

**MENYUBUR FIKRAH ISLAM PENERBIT RANCANGAN TV ISLAMIK:
SUATU SOROTAN PANDANGAN DUNIA DAN FALSAFAH UNIVERSITI**
*(Cultivate the Fikrah (Islamic Thought) for Producer of Islamik TV Programme:
An Overview of Worldview and Philosophy of University)*

Md Rozalafri Johori

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Megat Al-Imran Yasin

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Aliran terkini menunjukkan suatu perkembangan yang mendadak apabila semakin meningkat rancangan televisyen (TV) Islamik tempatan diterbitkan dan disiarkan di saluran utama TV tempatan. Namun, perlu disedari bahawa rancangan yang diterbitkan ini bukan semuanya merupakan rancangan TV Islamik kerana terdapat rancangan yang hanya boleh dikategorikan hanya dalam genre representasi Islam sahaja kerana melanggar ketetapan syariah Islamiah. Oleh itu, kertas kerja ini bercadang untuk membincangkan dan memahami pengaruh pandangan dunia (world view) dan falsafah universiti dalam penyuburan fikrah Islamiah dalam diri penerbit rancangan TV Islamik. Kesimpulannya, diharap agar pihak universiti memahami keperluan melahirkan graduan berfikrah Islamik dan agar pihak pengurusan stesen TV hanya membenarkan penerbit yang mempunyai fikrah Islamiah sahaja dalam menerbitkan rancangan bergenre Islamik. Ini kerana keseluruhan konsep rancangan TV Islamik adalah cerminan manifestasi fikrah penerbit yang menghayati Islam dalam kehidupannya.

Kata Kunci: Fikrah Islamiah; Tasawwur Islam; Pandangan Dunia, Penyiaran Islam

ABSTRACT

Current trends signify the increasing of quantity the Islamic TV programs produced by local producer and broadcast on national TV channels. However, certain Islamic TV programs just can be categorized as representations of Islam because anon-sharia compliant content. Therefore, this concept paper intends to discuss and understand the influence of world view and philosophy of the university in the self-cultivation of fikrah in the self of producer. In conclusion, analysis of this concept paper hoped that the university able to produce graduates with fikrah and management of TV station only allows producer with fikrah to produce Islamic TV programme, hence the overall concept of the TV programme is a reflection of the manifestations of fikrah when producer embrace Islam in their lives.

Keywords: Fikrah; Islamic Worldview; Islamic TV Programme

Pengenalan

Bagi menghadapi gejala pengaruh TV, suatu situasi yang cukup menarik untuk direnungi telah dinukilkan oleh Mahmood Zuhdi (1987), yang mana menurutnya cendekiawan Islam telah menjadi serba salah pada mulanya dalam menghadapi pengaruh ini. Pada peringkat awal, mereka bertahan pada kedudukan yang negatif. Mereka cuba menghindari diri daripada menonton filem atau memiliki peti-peti TV dengan anggapan kebanyakan dari apa yang disiarkan oleh alat-alat itu semuanya tidak berfaedah dan membuang masa ataupun mengandungi unsur-unsur yang boleh menjatuhkan akhlak orang Islam. Sikap negatif ini rupa-rupanya tidak boleh bertahan lama kerana alat-alat seperti radio dan televisyen misalnya sangat berfaedah sebagai alat penyebaran dakwah memandangkan bertambahnya penerimaan orang ramai terhadap alat-alat ini. Akhirnya mereka turut sama memiliki TV.

Realitinya TV pada hari ini tidak hanya dijadikan medium untuk menyebarkan maklumat, malah lebih dari itu ia berperanan sebagai agen mendidik, membujuk dan menghibur. Peranan ini merupakan komponen penting yang boleh memberi kesan mendalam kepada jiwa manusia yang dahagakan keperluan rohaniah tersebut. Malah sebenarnya, peranan TV lebih besar dan hebat daripada itu, kerana ia merupakan medium dakwah dan pembentuk akhlak dan pemikiran masyarakat. Malah secara umumnya generasi negara ini dibesarkan dalam hidangan rancangan TV yang pelbagai sifat dan genre.

Namun yang menjadi asas sejak TV diwujudkan di negara ini, selain telah banyak membantu mendidik, membujuk, menghibur, membentuk, malah turut merosak pemikiran khalayaknya! (Hafizahril, 2011). Ini kerana seringkali kandungan yang dipaparkan dalam setiap rancangannya bercanggah dan tidak selari dengan realiti kehidupan, budaya mahupun ajaran, suruhan dan tegahan Islam. Ini bererti suasana yang dilahirkan adalah suasana yang lebih menekankan hiburan, dan tidak memberi taraf yang tinggi terhadap ilmu. Jadi dengan sendirinya nilai hidup dalam masyarakat adalah nilai yang ditentukan oleh nilai perdagangan, nilai yang memperkecilkan ilmu jika dibandingkan dengan hiburan (Syed Husin Ali, 1987). Menariknya, negara kita juga menerima pakai format dan kandungan bahan-bahan asing dalam rancangan-rancangan TV tempatan sebagai budaya baru yang asing. Keadaan ini menjadikan media tempatan membantu untuk menggalakkan dan mengukuhkan nilai asing kepada penonton mereka (Musa et al., 1995).

Sedangkan TV seharusnya dijadikan medium pendidikan dan dakwah yang sangat relevan dengan masyarakat di Malaysia, kerana menurut (Murphy, 2008), rakyat Malaysia menghabiskan masa selama 1 jam 50 minit untuk menonton televisyen, VCD, DVD dan bahan video yang lain dalam sehari. Namun kajian yang dilakukan oleh Asiah, Faridah & Shamsubaridah (2009) pula menunjukkan angka yang lebih tinggi iaitu 3 jam hingga 5 jam sehari.

Kadar penontonan ini akan lebih bermakna jika ia disandarkan pula kepada kesampaian maklumat menerusi televisyen yang tinggi di Malaysia (Musa, 2008) yang mana pada tahun 2007 menunjukkan peratusan kesampaian maklumat dari televisyen kepada masyarakat adalah pada kadar 93.4%. Ini merupakan suatu catatan statistik yang sangat tinggi kesampaian maklumat. Daripada jumlah tersebut *Media Planning Guide Malaysia* (2011), menyatakan bahawa daripada 28,233,283 juta populasi rakyat Malaysia, sebanyak 5,442,543 (90.5%) mempunyai peti televisyen. Manakala daripada jumlah ini sebanyak 2,983,000 (53.8%) rumah yang mempunyai TV pelbagai saluran.

Terkini, Dewan Budaya (2013) mencatatkan daripada statistik yang dilaporkan nationmaster.com (2013) bahawa di Malaysia, dianggarkan sebanyak 10.8 juta unit televisyen dimiliki isi rumah daripada 24 juta orang penduduk. Ini mencatatkan bahawa negara ini berada pada tangga ke-20 paling banyak penjualan dan penggunaan televisyen

di dunia. Berdasarkan data-data statistik tersebut, maka TV seharusnya dimanfaatkan sebaik mungkin oleh penerbit sebagai medium yang terbaik dalam menyampaikan mesej Islam yang mematuhi syarak kepada masyarakat. Dalam konteks pemikiran semasa (fikrah al-mu'asirah) yang bertanggungjawab melakukan dakwah adalah tugas umat Islam yang tiada sebarang pengecualian. Semua sumber daya usaha mesti digembeling ke arah memperkasakan iltizam dan meningkatkan tindakan kerja-kerja dakwah (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 2009)

Selain daripada tanggungjawab untuk berdakwah, stesen TV juga dituntut oleh kerajaan, NGO dan penonton untuk menjalankan tanggungjawab sosial penyiaran terhadap masyarakat (Dasar Sosial Negara, 2003). Ramai yang beranggapan bahawa setiap rancangan TV yang memaparkan wanita bertudung serta memaparkan jalan cerita yang berkaitan keagamaan itu sudah cukup diterjemahkan sebagai rancangan Islamik. Sedangkan jika diperhalusi, terdapat banyak penampilan dan adengan yang menyalahi syariah, contohnya pakaian wanita yang sendat sehingga menyerlahkan susuk tubuh atau bersentuhan kulit untuk watak suami isteri atau anak lelaki dan ibu sedangkan realitinya mereka haram bersentuhan.

Rancangan TV tempatan ini diterbitkan sehingga tidak ada bezanya dengan rancangan-rancangan yang dibawa dari luar yang mana falsafah, isi dan persembahannya jelas tiruan dari Barat (Mahmood Zuhdi, 1987). Rancangan tersebut hanya adaptasi dan dilabelkan sebagai Islamik tetapi acuannya tetap dari Barat. Rancangan sebegini sebenarnya hanyalah rancangan representasi Islam sahaja. Bukan rancangan TV Islamik kerana ia tidak patuh syariah. Walaupun dilabelkan sebagai rancangan TV Islamik, namun konsep dan kandungan rancangan tidak menepati syarak. Contohnya rancangan Syafia terbitan TV9 yang memaparkan fesyen-fesyen muslimah yang seringkali menyalahi syariat dalam berpakaian bagi wanita.

Tanpa adanya acuan yang benar dalam pembentukan pola fikir seorang muslim maka tidak mustahil maklumat salah akan tersebar kepada khalayak, (Abdul Razak & Ezry Fahmy 2011). Situasi ini telah dibahaskan oleh (Sheikh Ahmad Mahmoud, 1995) yang menyatakan bahawa kebanyakan umat Islam hari ini mengikut kehendak syarie yang berkaitan dengan fikrah (pemikiran) dalam keadaan yang samar-samar dan disebabkan oleh itu mereka telah mengabaikan peraturan syarie yang berkaitan dengan tariqah (kaedah). Semua ini berlaku kerana ramai umat Islam telah dipengaruhi oleh pemikiran dan pendirian barat dan tidak mampu memahami Islam dengan jelas dalam konteks syarie, dan seterusnya tidak mampu untuk memahami cara mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan seharian dan pekerjaan.

Keadaan ini menyebabkan banyak terdapat kesalahfahaman yang berlaku dalam penerbitan rancangan Islamik di TV Malaysia, iaitu tentang genre rancangan TV representasi Islam dan yang satu lagi genre rancangan TV Islamik. Representasi bermaksud suatu yang melambangkan, menggambarkan atau menyatakan sesuatu yang lain (Kamus Dewan, 2005). Sedangkan rancangan TV Islamik sepenuhnya mematuhi kehendak syariah. Semua ini adalah berkaitan dengan pandangan hidup (*world view*) dan pendidikan yang membentuk acuan fikrah seorang penerbit. Ini kerana pembentukan pola fikir Islamik adalah perlu melalui neraca al Quran dan as sunnah yang mampu mewujudkan kefahaman keberkesanan melalui kefahaman (Abdul Razak & Ezry Fahmy, 2011) penerbit yang merupakan agen penting dalam masyarakat. Menurut Surah Al-Baqarah, ayat 208; *"Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu"*.

Pandangan Dunia Melayu (*World View*)

Bagi mengenali alam fikir seseorang, perbincangan tentang pandangan dunia (*world view*) individu tersebut harus dijelaskan terlebih dahulu. Dalam konteks ini, majoriti penerbit rancangan TV Islamik adalah merupakan bangsa Melayu. Jadi haruslah dimulakan dengan membincangkan tentang pandangan dunia sesuatu bangsa itu sendiri. Ini untuk memahami bagaimana seseorang penerbit rancangan TV Islamik melihat dan memahami tentang dunianya. Ini kerana setiap bangsa pasti ada pandangan dunia yang menjadi asas tamadun bangsa tersebut. Seseorang individu itu telah ditentukan bangsanya oleh Allah dengan kelahirannya, tetapi agama seseorang itu mungkin boleh berubah. Begitu juga bangsa Melayu jika disoroti sejarah bangsa dan agamanya.

Kewujudan tamadun bangsa Melayu adalah sangat lama iaitu sejak kurun ke-2 Masehi dengan kegemilangan Kerajaan Champa di Indochina kini Vietnam (Badriyah Salleh, 2012) sehinggalah kemuncak peradaban dan ketamadunan oleh kerajaan Srivijaya pada kurun ke-7 Masehi, diganti dengan Majapahit pada kurun ke-11 Masehi dan diambil alih pula kegemilangan Tamadun Melayu Melaka sebagai pusat perkembangan Islam menjadikan pandangan dunia Melayu begitu unik dan mantap. Pandangan dunia Melayu dipengaruhi kepercayaan animisme pada peringkat awalnya kemudian berubah kepada pengaruh Hindu-Buddha sehinggalah mencapai kesempurnaan pemikiran dengan Islam. Islam menggantikan hampir sepenuhnya dan seluruh kosmologi Hindu-Buddha, maka berlaku perubahan radikal dan fundamental pada gagasan kuasa agung di dalam alam fikiran Melayu (Zainal Kling, 2012).

Perkembangan ini penting untuk memahami siapakah diri Melayu yang sebenar yang sering diungkapkan bahawa Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu. Hujah ini dikuatkan dengan petikan rencana Dewan Budaya (1989) yang menyatakan bahawa, dalam usaha memahami masyarakat Melayu hari ini, tradisi kemasyarakatan, persejarahan dan keintelektualan lampainya harus terlebih dahulu dikenalpasti kerana, inilah yang sebenarnya memancarkan minda dan pemikiran bangsa itu, sistem nilai dan akar tradisinya. Namun begitu, dalam dunia hari ini yang terdapat begitu banyak pengkhususan, maka dibataskan pengertian kebudayaan ini terutamanya kepada ciptaan-ciptaan manusia yang berbentuk seni, kepada pemikiran yang timbul daripada pandangan dunia (*world view*) dan kepada nilai-nilai yang terjelma di dalam masyarakat itu (Syed Husin Ali, 1987). Jika merujuk kepada pantun, gurindam, pepatah, bidalan dan peribahasa Melayu, jelas menterjemahkan bagaimana kebudayaan dan pandangan dunia masyarakat Melayu tradisi dalam memahami tentang dunianya, yang mana masih lagi diwarisi oleh Melayu pada hari ini.

Namun, Islam telah memperindahkan pandangan dunia bangsa Melayu, termasuk dalam perkara yang menjadi sumber falsafah Melayu. Islam telah mengalihkan pandangan hidup orang Melayu yang asalnya berlandaskan animisme, iaitu fahaman yang berlandaskan kepercayaan akan kuasa benda-benda di alam kepada tasawwur Islam. Asas utama perubahan rupa dan jiwa bangsa Melayu itu ialah akidah Islam berkonsep tauhid iaitu keesaan Tuhan dan perhubungan antara manusia dengan Tuhan (*hablum min Allah*) dan antara manusia dengan sesama manusia (*hablum minnal-nas*). Segala konsep-konsep ini telah diterjemahkan oleh bangsa Melayu sebagai “budi”, yang mana berbudi merupakan suatu amalan mulia dan dianggap sebagai tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Nilai budi dalam bangsa Melayu telah diselaraskan dengan ajaran Islam yang mana merangkumi seluruh tatacara hidup dan pandangan dunia Melayu. Asas pemikiran, falsafah dan tatacara kehidupan bangsa Melayu sesudah menerima Islam merupakan satu faktor yang penting bagi menentukan nilai atau sikap ataupun pandangan dunia yang wujud dikalangan masyarakat (Syed Husin Ali, 1987). Di atas landasan “budi” ini segala

bentuk dan corak pemikiran seorang penerbit rancangan TV Melayu digagaskan, termasuklah segala adab dalam amalan agama dan juga intisari penerbitan suatu hasil karya seperti program TV Islamik. Seorang penerbit Melayu tidak akan dapat melencong dalam menterjemahkan “budi” dalam setiap penerbitannya. Dalam amalannya, budi membawa sekurang-kurangnya enam tahap makna; (i) budi pekerti, (ii) budi bahasa, (iii) budi bicara, (iv) akal-budi, (v) hati budi dan (vi) budiman iaitu peribadi unggul yang memancarkan segala nilai budi yang mana ia merupakan intisari filsafat ketamadunan sejagat dan landasan peradaban Melayu sebagai bangsa yang beradab dan beradab (*civilised*) (Zainal Kling, 2012).

Dilihat secara keseluruhan, tahap-tahap makna ini merupakan satu kesatuan yang bersifat psikososial, yakni pernyataan pelbagai tahap dari aras dalam minda hingga kepada penerbitan perilaku individu dan seluruh komuniti (Zainal Kling, 2012). Pandangan hidup Melayu yang mementingkan budi dalam setiap tindakan menjadi akar kepada tindakan seorang penerbit yang dikukuhkan lagi dengan tasawwur Islam. Nilai budi yang terpancar pada hasil penerbitan seorang penerbit rancangan TV Islam, pemangkin kepada masyarakat secara kolektif menjadi masyarakat yang madani. Tanggungjawab sosial masyarakat ini terungkap dalam pantun Melayu lama;

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi bangsa binasa.

Tasawwur Islam (Pandangan Hidup Islam)

Tasawwur merupakan suatu istilah juga boleh difahami sebagai *world view* ataupun “pandangan dunia” atau juga “pandangan hidup”. Walau bagaimanapun bagi menterjemahkan pandangan hidup Islam, Harun Din (1992) berpendapat adalah lebih baik istilah Tasawwur Islam dikekalkan mengikut sebutan asal bahasa Arab yang maksudnya lebih tepat. Tasawwur bermaksud suatu gambaran atau tanggapan akal atau pemikiran yang tergambar dalam akal seseorang terhadap sesuatu perkara mengenai alam dan kehidupan.

Tasawur Islam ini adalah gambaran bentuk Islam yang hakiki. Ia ialah gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan benar mengenai Islam yang menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara lengkap, sehingga bersebat di dalam diri orang yang memahaminya (Mohd Shukri, 2012). Jelas di sini bahawa tasawwur amat penting dalam kehidupan manusia kerana sikap dan tindakan adalah lahir dari tasawurnya terhadap kehidupan ini. Tasawwur yang betul akan melahirkan tindakan yang betul. Begitu juga jika sebaliknya. Kepincangan dalam penerbitan rancangan TV Islam adalah disebabkan kepincangan tasawwur yang berpunca daripada banyak aspek antaranya ialah latar belakang pendidikan komunikasi, media dan penyiaran yang tidak dilandasi dengan kefahaman akidah Islam.

Secara umum di Malaysia, penerbit bagi rancangan TV Islamik adalah muslim. Jadi, perlu untuk memahami fikrah pandangan dan pemikiran penerbit tersebut dalam konteks Islam. Konsep pandangan hidup (*worldview*) seorang muslim boleh dilihat daripada pendapat Sheikh Ahmad Mahmoud (1995), yang menyatakan bahawa;

Islam mempunyai prinsip dan kepercayaan asas yang jelas namun mempunyai cabang-cabang pemikiran lainnya yang berkaitan. Contohnya pemikiran yang menjelaskan tentang baik dan buruk, cantik dan hodoh, layak dan tercela, yang makruf dan yang munkar serta yang halal dan yang haram. Semua kepercayaan, pemikiran dan peraturan ini lebih baik dikenali sebagai al-fikrah al-Islamiyyah.

Sebagai penerbit rancangan TV Islamik, tasawwur Islam yang telah ditetapkan Allah dan dibawa oleh Rasulullah S.A.W haruslah difahami dan dijadikan pegangan hidup dan tidak mencampurkan dengan aliran fahaman isme-isme yang lain dalam penerbitan rancangan TV. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 138; *(Katakanlah wahai orang-orang yang beriman: Agama Islam (yang Kami telah sehati dengannya ialah): Celupan Allah (yang mencorakkan seluruh kehidupan kami dengan corak Islam) Dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? (Kami tetap percayakan Allah) dan kepadaNya jualah kami beribadat. ”*

Falsafah Universiti Melandasi Fikrah Penerbit

Menara Gading merupakan institusi yang melahirkan profesional dalam bidang penyiaran di Malaysia. Universitilah tempat melahirkan penerbit-penerbit rancangan TV dan pengurus-pengurus stesen TV. Oleh itu, perbincangan kertas kerja ini tidak akan lengkap jika tidak membincangkan peranan universiti dalam mendidik dan membentuk acuan fikrah Islamiah dalam diri graduan yang bakal menjadi penerbit.

Penelitian falsafah pendidikan dan pengajian komunikasi dan media di universiti-universiti utama tempatan cukup penting untuk mengetahui fikrah penyiar-penyiar yang berada dalam industri penyiaran negara. Ini kerana segala ilmu yang ditimba dari universiti adalah berlandaskan kepada falsafah tersebut. Maka segala ilmu dan pendedahan pemikiran yang ditimba oleh mahasiswa akan diaplikasi di bidang pekerjaan. Akhirnya lahirlah mahasiswa dalam acuan universiti tersebut.

Jika disoroti secara mendalam falsafah universiti utama tempatan, hanya Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mempunyai falsafah yang jelas berteraskan Islam. Bagi kolej universiti, hanya Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sahaja yang menawarkan kursus penyiaran yang pasti diajar dengan landasan Islam. Namun tidak, bagi kolej universiti yang menawarkan kursus ini dan juga bagi universiti utama seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Semua ini dapat diteliti secara terperinci falsafah dan matlamat pendidikan serta pengajian komunikasi dan penyiaran universiti-universiti yang berlandaskan Islamik di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010) adalah seperti Jadual 1.

Kelahiran seorang penerbit berfikrah Islamik bermula dengan pendedahan dan pembentukan pola fikir yang berteraskan Islam yang ditimba di pusat pengajian tinggi. Kefahaman tentang syariat Islam yang benar dalam penerbitan rancangan TV adalah berteraskan kepada ilmu pendidikan yang ditimba ketika di universiti. Universiti adalah acuan fikrah penerbit. Penerbit yang berfikrah Islamik dapat memanifestasikan syariat Islam dalam tugas, produksi, kerjaya mahupun kehidupan peribadi hasil didikan yang diterima di universiti selama tiga atau empat tahun tersebut.

Manifestasi Teori Auteur dalam Fikrah Islam

Adalah tidak lengkap apabila membincangkan tentang pandangan dunia dan fikrah dalam konteks penerbitan jika tidak membincangkannya berpandukan teori auteur atau teori kepengarangan yang diasaskan oleh Andrew Sarris (1962). Teori ini sering digunakan dalam bidang perfileman yang mana menyatakan bahawa hasil produksi penerbitan motion (filem atau televisyen) adalah merupakan cerminan representasi kesedaran “dalaman” visi yang wujud dalam diri seorang pengarah atau penerbit (Asiah & Nur Kareelawati, 2009 & 2010).

Jadual 1

Universiti	Falsafah & Hala Tuju Universiti	Falsafah Dan Hala Tuju Pengajian Komunikasi
Universiti Islam Antarabangsa (UIA): Jabatan Komunikasi	Mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu bagi memenuhi tuntutan Allah (SWT) yang mempercayai bahawa usaha mendapatkan ilmu itu adalah sebagai ibadah. Oleh itu UIAM berusaha untuk mengangkat martabat moral dan intelektual ummah.	Untuk menghasilkan ilmuan dan profesional yang memiliki pengkhususan dalam pelbagai bidang komunikasi dengan kekuatan untuk menggabungkan antara keimanan, ilmu dan akhlak.
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Program Komunikasi	Paduan antara ilmu naqli dan aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu dengan hala tuju memartabatkan pendidikan Islam ke dalam arus perdana pendidikan negara seterusnya meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.	Memadukan secara harmoni aspek keilmuan Islam dan komunikasi untuk kebaikan sejagat dengan melahirkan graduan komunikasi berasaskan pengajian Islam dan pengamal media yang profesional, menghayati nilai murni, beradab dan berkod etika serta memiliki kemahiran-kemahiran yang tinggi.
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM): Pusat Pengajian Media dan Komunikasi	Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan universiti. UKM bertekad menjadi university terpilih yang memartabatkan Bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.	Pusat Pengajian ini ingin menjadi pusat rujukan, pertumbuhan dan pemantapan keserjanaan dengan tujahan pendidikan dan penyelidikan yang berkaitan dengan konstruksi, peranan, profesionalisme, serta impak media dan komunikasi ke atas kehidupan politik, ekonomi dan budaya di peringkat tempatan dan global.
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS): Jabatan Komunikasi	Kesepaduan antara ilmu, iman dan amal menjadi dasar ke arah melahirkan insan yang bertaqwa dan berketerampilan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.	Melahirkan individu yang kompeten dan memebawa paradigma baru dalam konteks pendekatan komunikasi (penyiaran) yang berteraskan falsafah Islam khususnya dalam bidang yang membabitkan media elektronik iaitu televisyen dan radio.

Kerta kerja ini membincangkan teori auteur dalam penerbitan sesebuah rancangan TV Islamik untuk menghuraikan sejauh mana ia merupakan representasi kesedaran ‘dalaman’ yang wujud dalam diri seorang penerbit Muslim. Ini kerana, penilaian sesebuah rancangan

TV Islamik menggambarkan fikrah penerbitnya yang menjadikan hasil produksi terbitannya sebagai sebuah *manhaj al-dakwah*.

Seorang penerbit rancangan TV adalah bertanggungjawab terhadap keseluruhan proses penerbitan rancangan tersebut dari mula hingga akhir iaitu ditayangkan untuk tontonan. Penerbit dan semua krew akan bekerjasama dalam satu kumpulan penerbitan yang besar yang mengadungi berpuluh orang dengan suatu jumlah perbelanjaan yang diluluskan oleh pihak pengurusan organisasi. Secara umumnya tugas dan peranan seorang penerbit berlaku dalam tiga bahagian proses penerbitan iaitu pre-produksi, produksi dan pasca produksi.

Walaupun bagaimanapun, dalam penerbitan sesebuah rancangan TV ia belum tentu 100% karya sentuhan penerbit, kerana ia bergantung kepada kawalan yang telah ditentukan oleh stesen TV. Ini kerana, dalam penerbitan TV terdapat kekangan yang berlaku iaitu dari segi politik ekonomi. Walaupun ia menjadi cabaran paling utama bagi seorang penerbit dalam menerbitkan rancangan bergenre keagamaan atau pendidikan, namun tugas dan peranan seorang penerbit masih sama di semua stesen TV.

Tidak dinafikan terdapat pelbagai cabaran, campurtangan dan kekangan dalam penerbitan sebuah rancangan TV Islamik, namun penerbit mempunyai kuasa autoriti yang sangat tinggi dalam menyampaikan mesej yang tersurat dan tersirat. Penerbit yang memahami teori auteur dan berfikrah Islam perlu menterjemahkan teks dan skrip dengan adunan kreativitiya menerusi audio dan visual agar mesejnya dapat difahami dan diterima masyarakat. Ini kerana kejayaan sesebuah rancangan TV banyak didominasi oleh penerbitnya.

Penerbit yang mempunyai rasa “dalaman” dalam kerangka Islam dan mempunyai matlamat untuk menyebarkan dakwah Islam kerana Allah tidak gentar dan tidak sukar untuk menghadapi semua cabaran tersebut. Sudah menjadi sunnatullah, dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat, pasti akan diuji Allah. Ini ditegaskan Allah dalam surah al-Ankabut, ayat 2-3 “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu dugaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu sebelum mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang benar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya akan orang-orang yang berdusta”.

Fikrah Islam Diri Penerbit

Fikrah ialah bagaimana individu memanifestasikan Islam yang terdapat dalam dirinya dalam setiap aktiviti kehidupan. Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda, “*Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain*”. Ini merupakan fikrah yang perlu ada pada setiap umat Islam dan dalam konteks ini adalah penerbit TV. Ini kerana orang yang paling banyak memberi manfaat kepada orang lain akan dicintai Allah SWT. Untuk memberi manfaat kepada orang lain, wasilah yang paling penting yang perlu ada ialah ilmu dan kesedaran. Penerbit yang mempunyai fikrah Islam berusaha memberikan manfaat kepada penonton dengan menerbitkan rancangan berbentuk tazkirah, pendidikan dan peringatan.

Istilah "fikir" daripada bahasa Arab adalah bermaksud menggunakan akal terhadap sesuatu perkara serta memahaminya, tetapi apabila perkataan "fikir" diikat dan disandarkan dengan perkataan Islam, maka ia bermaksud penggunaan akal dalam mentafsir atau menggambarkan Islam, yang bersumberkan kepada Al-quran dan Sunnah. Pemikiran dan terjemahan perilaku ini yang disalurkan daripada akal seorang muslim, seterusnya membawa kepada makna Fikrah Islamiyah.

Menurut Yusuf Al-Qaradhawi (2012), kewajiban manusia yang pertama adalah kewajiban terhadap tuhanNya yang telah menciptakannya agar dia mengenaliNya dan beribadah kepadaNya, memakmurkan bumiNya dengan kemaslahatan dan kebenaran, dari sini masyarakat Islam adalah masyarakat yang beribadat kepada Allah dan memakmurkan bumi. Beribadat di sini bukan hanya bermaksud melakukan amalan dan tuntutan Islam seperti yang termaktub di dalam Rukun Islam, malah beribadat dalam Islam melangkaui segala-galanya dengan syarat melakukan suatu kebaikan dengan niat kerana Allah. Ini kerana, beribadat kepada Allah terbahagi kepada dua kategori iaitu; (i) Ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat atau menunaikan haji dan (ii) Ibadat umum iaitu melakukan kebaikan kerana Allah termasuk menerbitkan rancangan TV Islamik.

Menerbit rancangan TV juga adalah suatu ibadat jika kandungan penerbitan tersebut mempunyai nilai-nilai mulia dan memberi manfaat kepada masyarakat serta terhindar dari maksiat. Menerbitkan rancangan TV yang mengajak kepada kebaikan atau memberi manfaat kepada penonton adalah suatu usaha yang mulia yang harus menjadi pegangan setiap penerbit TV. Secara tidak langsung ia selaras dengan ikrar umat Islam ketika membaca doa iftitah (Surah Al-Anam, ayat 162) dipermulaan solat iaitu, *“Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah kerana Allah, tuhan semesta alam”*. Menurut Haron Din (1992), ibadah ini dikatakan juga sebagai tunduk setunduk-tunduknya kepada Allah s.w.t yang mana ibadat dalam pemakaian ayat dengan sendirinya bereti bahawa segala perbuatan, percakapan dan lintasan di hati manusia yang dilakukan kerana mematuhi perintah Allah dengan penuh rela dan cinta kepada-Nya iaitu ibadah dalam erti kata yang amat luas.

Oleh itu, beribadah kepada Allah adalah fikrah seorang penerbit. Pegangan fikrah ini adalah penting untuk menentukan kualiti sesebuah rancangan Islamik iaitu harus berteraskan kepada ilmu agama, prinsip dalam penerbitan dan keupayaan (*capability*). Ini kerana hasil penerbitan adalah merupakan garapan daripada nilai yang dipegang ini merujuk kepada teori Auteur yang menyatakan bahawa sesebuah karya adalah dari pada sentuhan dalaman seorang pengarah atau penerbit. Ini kerana, fikrah Islamiah adalah nilai dalaman yang seharusnya tertanam dalam jiwa seorang individu muslim.

Kini, tidak ramai penerbit yang betul-betul mempunyai latarbelakang pendidikan Islam yang tinggi menjadi penerbit rancangan Islamik di stesen TV. Menurut Zulkiple Abd. Ghani (2006) terdapat terlalu sedikit golongan agamawan yang melibatkan diri dalam proses penerbitan program TV. Tidak dinafikan mereka merupakan beragama Islam, namun itu tidak mencukupi untuk seorang penerbit menerbitkan rancangan TV Islamik jika tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang tasawwur Islamiah. Malah, tiada garis panduan atau polisi yang hanya membenarkan penerbit yang berlatarbelakangkan ilmu Islam yang tinggi hanya boleh menerbitkan rancangan seumpama itu.

Perkara ini telah didedahkan oleh Zulkiple Abd. Ghani (2010) melalui kajiannya di RTM menunjukkan bahawa pada tahun 1976 RTM telah menaiktaraf struktur unit penerbitan rancangan agama, namun sebenarnya tiada polisi tertentu untuk melantik pegawai yang mempunyai kelulusan agama untuk bertugas sebagai penerbit. Tambahan pula ketika itu, tiada institusi pengajian tinggi agama yang mengeluarkan graduan yang mahir dalam aspek penyiaran. Namun, selain daripada pegawai yang berkelulusan Diploma dalam bidang media massa dari Institut Teknologi Mara (ITM), malah terdapat juga pegawai yang berkelulusan sarjana muda dari Universiti al-Azhar. Ini kerana selain daripada kefahaman, dalam hal ini, kreativiti penerbit juga diperlukan untuk meneroka format baru yang akan menyediakan peluang yang sama untuk penonton untuk terlibat dalam produksi (Musa et al, 1995).


Kesimpulan

Fikrah penerbit TV Islamik yang berpegang teguh kepada akidah Islamiah adalah penting untuk menerbitkan rancangan TV Islamik. Dalam penyiaran Islam, seorang penerbit harus mempunyai ilmu Islam yang benar, prinsip diri yang jelas dan kemahiran penerbitan yang tinggi. Tanggungjawab menyeru kepada kebaikan dan kembali kepada tali Allah adalah menyahut fimanNya dalam surah Az-Zariat ayat 56; *“Dan tidak Aku ciptaka jin dan manusia itu hanyalah supaya mereka beribadat kepadaKu”*. Ini kerana tujuan manusia di dunia ini hanyalah untuk beribadat kepada Allah. Jadi, inilah tunjang fikrah Islam yang perlu subur dalam jiwa seorang penerbit rancangan TV.

Namun, semua ini akan menjadi realiti apabila pihak universiti memahami keperluan melahirkan graduan berfikrah Islamik. Kebanyakan falsafah universiti-universiti utama tempatan tidak dilandasi dengan Islam. Islam hanya menjadi suatu upacara yang formal dimasjid dan surau sahaja. Ini menyukarkan bagi graduan dalam menzahir dan memanifestasi Islam dalam kehidupan seharian selain amalan ibadah wajib. Tanpa acuan dan penyuburan fikrah ini di universiti, jiwa dan roh Islam mahasiswa Muslim tidak dapat diterjemah dalam kehidupan seharian akibat pola fikir dan kerangka Islam hanya untuk ibadah wajib sahaja. Alangkah ruginya. Sedangkan Islam itu adalah cara hidup *“the way of life”*. Pandangan hidup Islam seharusnya menjadi kerangka pemikiran mahasiswa yang memanifestasi pemikiran dan perilaku Islam terutama mahasiswa komunikasi dan penyiaran yang bakal menjadi jurutera sosial masyarakat melalui media.

Saranan kepada pihak pengurusan stesen TV agar hanya membenarkan penerbit yang mempunyai fikrah Islamiah sahaja dalam menerbitkan rancangan bergenre Islamik. Ini kerana keseluruhan konsep rancangan TV Islamik adalah cerminan manifestasi fikrah penerbit yang menghayati Islam dalam kehidupannya. Berpaksikan fikrah Islamik yang sejati, penerbit rancangan TV Islam akan menerbitkan rancangan Islamik dan bukan sekadar rancangan representasi Islam. Fikrah Islamiah yang mantap dalam diri seorang penerbit adalah penting kerana rancangan TV Islamik yang dihasilkan akan menjadi lebih bermakna sekiranya ia dihasilkan daripada sentuhan kefahaman daripada individu yang benar-benar ingin berbudi kepada masyarakat dan memahami Islam dalam kerangka syariat.

Kesimpulannya, dapat difahami tentang fikrah Islamik dalam diri seorang penerbit berdasarkan Gambarajah 1.



Gambarajah 1: Fikrah Islamiyah Individu Muslim
(Sumber: Diubahsuai dari Jamiah, 2004 dalam Azimi et al., 2007)

Rujukan

Al Quran.

- Abdul Razak & Ezry Fahmy. (2011). Penerimaan dan Penyampaian Maklumat oleh Media dari Perspektif Islam. Representasi Islam Dalam Media. USIM: Nilai
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, & Shamsubaridah Ramlee. (2009). *Industri Dokumentari Di Malaysia: Isu dan Halatuju*. Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd Karim. (2011). Kajian Filem Arahan Pengarah Muda Sebagai Saluran Dakwah Di Malaysia. Representasi Islam Dalam Media. USIM: Nilai
- Azimi Hamzah et al. (2007). Muslim Religiosity & Personality Assessment: Prototype for Nation Building. Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), UPM: Serdang.
- Badriyah Salleh. (2012). Sejarah Keagungan Bangsa Melayu. Minda Melayu Global. Penyusun; Mohd Yusof Hasan. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
- Dewan Budaya. (1989). Tradisi Keintelektualan Melayu. Ogos. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Dewan Budaya. (2013). Kotak Kehidupan. April. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hafizahril Hamid. (2011), Nilai Sebuah Televisyen, Minggu Malaysia 30 Januari 2011.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (1987). Media Massa & Dakwah Islamah. Dewan Budaya. Jilid 9. Bil 9. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Media Planning Guide Malaysia. (2011). (17th ed). Perception Media.

- Media Statistics > Televisions (most recent) by country.
http://www.nationmaster.com/graph/med_tel-media-televisions. Dilayari pada 25 April 2013.
- Mohd Shukri Hanapi. (2012). Pembentukan Tasawur dan Kesan Terhadap Pembangunan Tradisi Keilmuan Islam. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 2: (Dec) 2012 (p. 55-61)
- Musa Abu Hasan. (2008). Siri Syarahan Inaugural. Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT Untuk Semua. Penerbit UPM. Serdang.
- Musa Abu Hassan, Md. Salleh Hassan, & Ezhar Tamam. (1995). *Media's New Roles in Monitoring the Process of Economic Transformation Compatible with Social Justice*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar on Social Market Economy and the Media, Kuala Lumpur. Disember 1995.
- Haron Din. (1992). *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Pustaka Hizbi.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2010). *Hala Tuju Pengajian Komunikasi dan Media di Malaysia* (1st ed.). Putrajaya: Penerbit UKM.
- Murphy, S. (2008). *Insights Into Critical Trends That Are Shaping The Lives Of Malaysian Consumers*.
- Sheikh Ahmad Mahmoud. (1995). *The Da ' wah to Islam* (1st ed.). Retrieved from www.khilafah.com
- Syed Husin Ali. (1987). Pengaruh Politik Ekonomi Organisasi. Dewan Budaya. Jilid 9. Bil 9. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, M. L. S. (2009). Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi. Batu Pahat, Johor.
- Yusuf Al Qaradhawi. (2012). Islam Holistik, Praktikal, Sesuai di Setiap Tempat dan Masa. Terj; Juanda Jaya. Shabab Book Link: Bandar Baru Bangi.
- Zulkiple Abd Ghani. (2006). Islamic Broadcasting: A Search for Islamic Identity. *Hamdard Islamicus*, Vol. XXIX, April-Jun. pp. 23-33.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2010). Penyebaran Dakwah Melalui Media Penyiaran Di Malaysia. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/24933877/an-Dakwah-Melalui-Media-Penyiaran-Di-Malaysia>.

Md Rozalafri Johori

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, (KUIS)
rozalafri@kuis.edu.my

Megat Al-Imran Yasin

Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang
megat@putra.upm.edu.my